

MAHATHIR - U.K. R R R

(1)

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 11 MALAM INI)

1985

KUALA LUMPUR, 5 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEKANKAN PENTINGNYA BAGI MALAYSIA DAN BRITAIN MEMPERBAIKI SEMULA IMBANGAN PERDAGANGAN MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN ADA USAHA YANG POSITIF DALAM BEBERAPA TAHUN LALU UNTUK MEMPERBAIKI PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA, HANYA SEDIKIT PERUBAHAN BERLAKU BAGI MALAYSIA DALAM PASARAN BRITAIN.

KETIKA BERCAKAP DALAM MAJLIS MAKAN MALAM RASMI YANG DIADAKAN SEMENA LAWATAN RAKAN SEJAWATANNYA, PUAN MARGARET THATCHER DI SINI MALAM INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, DALAM TAHUN 1983 BRITAIN ADALAH RAKAN PERDAGANGAN KELAPAN TERBESAR DENGAN MENGUASAI SEBANYAK 3.1 PERATUS DARIPADA PERDAGANGAN MALAYSIA KESELURUHANNYA.

BRITAIN MENGUASAI 2.7 PERATUS DARIPADA JUMLAH EKSPORT MALAYSIA, MANAKALA IMPORT MALAYSIA DARI BRITAIN ADALAH SEBANYAK 3.5 PERATUS.

BELIAU JUGA MENYUARAKAN KEBIMBANGANNYA MENGENAI PERSOALAN PERDAGANGAN TAK KETARA YANG JUGA PENTING BAGI EKONOMI MALAYSIA. -- LAGI.

2125MST 05 04 85

D255

U 8991 AAB

MAHATHIR - U.K. 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

BELIAU BERKATA DALAM MENGHADAPI PENINGKATAN DEFISIT DALAM AKAUN PERKHIDMATAN, USAHA YANG IKHLAS DAN SERIUS MESTILAH DILAKUKAN OLEH KEDUA-DUA NEGARA SUPAYA IA TIDAK MENJADI LEBIH BURUK AKIBAT PERDAGANGAN TIDAK KETARA.

+ KAMI TIDAK MENGHARAPKAN PERDAGANGAN MENJADI SEIMBANG ANTARA SEMUA NEGARA TETAPI KETIDAKSEIMBANGAN YANG BERTERUSAN DAN BESAR HENDAKLAH DIPERBETULKAN, + KATANYA.

BELIAU BERHARAP PERSATUAN MALAYSIA-BRITISH YANG DIWUJUDKAN BARU-BARU INI, AKAN DAPAT MENGATASI MASALAH-MASALAH YANG MUNGKIN TIMBUL DALAM MENGGALAKKAN INTERAKSI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

MALAYSIA, KATANYA TIDAK AKAN LEMAH BEMANGAT OLEH KRITIK-KRITIK TERHADAP PROGRAM PERINDUSTRIAN ATAU SISTEM POLITIK DAN DABAR EKONOMINYA.

+ KAMI TELAH MENDAPATI BAHAWA WALAUPUN LAPORAN-LAPORAN TELAH MEMBERI GAMBARAN YANG TIDAK BAIK MENGENAI KAMI, TIDAK KURANG PENGUSAHA ABING DAN BANK YANG INGIN MELABUR DAN MEMBERIKAN PINJAMAN KEPADA KAMI,+ KATA BELIAU.

BANK-BANK SENTIASA MEMINTA MALAYSIA MEMINJAM PADA HAL JUMLAH PEMIMJAN YANG BAIK PADA MASA INI TIDAKLAH BEGITU BESAR. -- LAGI.
2147MST 03 04 85

B 8994 AAB
MAHATHIR - U.K. 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENGENAI PELAJARAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU GEMBIRA MENDAPATI BEBERAPA BUAH UNIVERSITI BRITISH TELAH MEMBERI SAMBUTAN BAIK KEPADA RANCANGAN MALAYSIA UNTUK MENGURANGKAN JUMLAH PELAJARNYA DI INSTITUSI MEREKA.

MEREKA MENERIMA CADANGAN MALAYSIA SUPAYA MENGIKTIRAF KURSUS-KURSUS PENGAJIAN PERINGKAT AWAL UNIVERSITI YANG DIADAKAN DI MALAYSIA BAGI MENGURANGI BEBANAN PARA PEMBAYAR CUKAI BRITISH DAN MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMUJI SOKONGAN PUAN THATCHER KEPADA PEGANGAN MALAYSIA MENGENAI ISU PENDUDUKAN VIETNAM DI KAMPUCHEA.

+ JIKA VIETNAM BOLEH MENYERANG, MENAKLUKI DAN MENAWAN JIRANNYA YANG LEMAH, DAN MENGEKALKAN PENCEROBOHANNYA ITU, KESELAMATAN NEGARA-NEGARA DI RANTAU INI AKAN LEBIH TERANCAM,+ KATANYA.

MALAYSIA AKAN TERUS MENYOKONG SEMUA USAHA UNTUK MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN DI RANTAU INI -- SATU SYARATNYA IALAH MENGIKTIRAF HAK-HAK DAN ASPIRASI RAKYAT KAMPUCHEA. -- LAGI.
2205MST 05 04 85

B 8995 AAB
MAHATHIR - U.K. 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENGENAI AFGHANISTAN, PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA BERPEGANG TEGUH KEPADA KETETAPAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) UNTUK MENCAPAI PENYELESAIAN MELALUI RUNDINGAN.

BELIAU JUGA BERCAKAP MENGENAI PANDANGAN MALAYSIA BERHUBUNG DENGAN KETEGARAN DAN PENINGKATAN KEGANASAN ISRAEL DI ASIA BARAT. -* WALAUPUN TENTERA-TENTERA ISRAEL TELAH MEMBUNUH MEREKA YANG TIDAK BERDOSA, RAKYAT PALESTIN MASIH DIGAMBARAKAN SEBAGAI +PENGKHIANAT KEAMANAN.+

NEGARA-NEGARA BARAT HENDAKLAH MEMAHAMI BAHAWA MASALAH PALESTIN BUKANLAH ANKARA YANG DISEBABKAN OLEH MEREKA SENDIRI. BUKANLAH PILIHAN MEREKA UNTUK MENJADI PELARIAN SEPANJANG HAYATNYA TETAPI IA ADALAH KERANA NASIB MEREKA YANG TIDAK DIPEDULIKAN, LANTAS MENYEBABKAN MEREKA TERPAKSA BERPERANG DAN MENGGANAS.

+ NEGARA-NEGARA BARAT HENDAKLAH MEMAHAMI BAHAWA KEADILAN AKAN LEBIH MEMBERIKAN KEAMANAN DARIPADA HASRAT UNTUK MENEBUS DOSA KERANA SIKAP ANTI-SEMIT MEREKA PADA MASA LALU,+ KATA BELIAU.

MENGENAI ANTARTIKA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA BERPENDIRIAN BAHAWA SEMUA MANUSIA MEMPUNYAI KEPENTINGANNYA DI BENUA ITU.

MALAYSIA BERSEDIA UNTUK BEKERJASAMA DENGAN SEMUA PIHAK BERHUBUNG DENGAN SESUATU RANCANGAN YANG BOLEH DITERIMA OLEH SEMUA NEGARA UNTUK BERGABUNG MENTADBIRKAN ANTARTIKA DENGAN AMAM, KATA BELIAU. -- BERNAMA